



SUTRA KASIH FESTARI MAKUM

Kumpulan Sutra Kasih dari Kelab Kebudayaan UniMAP telah mewakili universiti dalam Pertandingan Festival Seni Tari MAKUM 2008 (Festari MAKUM 2008) yang telah diadakan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Kota Samarahan, Sarawak pada 27 hingga 30 Mac 2008. Kumpulan ini mempertaruhkan Tarian Zapin Kayangan dan Tarian Joget Sauk untuk bertanding bagi Kategori Tarian Tradisional manakala Tarian Si Tongus bertanding dalam Kategori Tarian Kreatif.

Kumpulan ini terdiri daripada pelajar pelbagai kaum berbangsa Melayu, Cina dan India yang merangkumi 6 lelaki dan 9 perempuan. Faktor berbilang kaum menyebabkan persembahan kumpulan ini mendapat sorakan gemuruh daripada hadirin yang hadir menyaksikan festival tersebut. Kesemua pelajar ini adalah merupakan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus di dalam bidang kejuruteraan , gabungan pelajar Tahun 1 hingga Tahun 4.

Tarian yang dipertandingkan pada festival tersebut direka oleh tenaga pengajar yang terdiri daripada artis budaya Unit Kebudayaan dan Rekreasi, Jabatan Canselori di samping mendapat khidmat nasihat daripada Prof. Madya Dr.Salmah Bt Ayob, Pengarah Unit Kebudayaan dan Rekreasi.